

Kajian Empirikal Awal Terhadap Pola Kecenderungan Pemilihan Aliran Pengajian Peringkat Pra-Universiti oleh Pelajar Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
(*Preliminary Empirical Study of Selection Bias Pole on Pre-University Studies by the Malaysian Education Certificate's Students (SPM)*)

MOHAMAD FHAIZAL MOHAMAD BUKHORI, ROHAIZA DAUD, NUR FAZLIANA RAHIM, NOR AMALINA AHMAD, MOHD AMINUDIN MUSTAPHA, FARAH LIYANA AZIZAN, MOHD ALHAFIIZH ZAILANI & DHANA JAY RAJA GOPAL

ABSTRAK

Program pengajian sains hayat dan sains fizikal pada dasarnya disasarkan kepada kelompok pelajar yang berbeza. Setiap program mempunyai kelebihan dan perspektif yang tersendiri. Memandangkan program pra-universiti, asasi dan matrikulasi mengambil masa yang singkat untuk ditamatkan, maka pelajar yang mengikuti program ini perlu melalui proses kehidupan dan pembelajaran yang begitu ketat dan mencabar sepanjang tempoh pengajian. Ekoran tersebut, secara dasarnya pelajar harus mempunyai fokus dan ketetapan untuk mengikuti program pengajian sains hayat ataupun sains fizikal kerana sukatan pelajaran pra-universiti, asasi dan matrikulasi telah disusun mengikut kursus yang tertentu untuk diikuti di peringkat ijazah pertama nanti. Selain itu, kemasukan pelajar-pelajar yang mengikuti program pengajian sains hayat dan sains fizikal di institusi terpilih ini adalah berdasarkan kepada pilihan sendiri dan memenuhi syarat-syarat dan kriteria kemasukan yang telah ditetapkan. Namun, syarat yang ditentukan itu hanyalah berdasarkan kelayakan akademik tanpa pertimbangan personaliti dan minat. Justeru, kajian ini meninjau faktor-faktor yang mendorong para pelajar aliran sains lepasan SPM dalam pemilihan aliran pengajian mereka di peringkat pra-universiti, asasi atau matrikulasi. Perbincangan ini melihat kepada perkaitan yang jelas antara pola kecenderungan pemilihan yang digunakan oleh pelajar menerusi faktor kehendak diri sendiri, dorongan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, limitasi pilihan, peluang pekerjaan, pilihan kerjaya, serta latarbelakang kemahiran dan minat.

Kata kunci: Pengajian, pra-universiti, sijil pelajaran malaysia.

ABSTRACT

Life Science and Physical Science programs were basically targeted on the differences of students' backgrounds. Each program has its own advantages and perspectives. Since the pre-university, foundation and matriculation programs are very compress program, the students attending these programs have to undergo a lot of difficulties and challenges throughout the programs. Based on the facts of these circumstances, the student should have their own target and focus for attending any of the programs either Life Science or Physical Science programs due to the differences between the courses taken and syllabus in each program itself which are combined and prepared based on the university's bachelor degree syllabus. The student intake into an institution is based on their choice and fulfilled the minimum requirement of the programs which allow them to choose the program offered. However, the minimum criteria are based only on the academic results and not on the personality and interest of the student themselves. Therefore, this study was investigated the factors influence these students' choices for the program they choose. The discussion was analyses the strong relationship between the tendency of choice making by the student's which based on the factors of their own will, parents encouragement, peer influence, limitation of choice, job opportunity, choice of career, as well as skills and interest background.

Keywords: Study, pre-university, malaysian education certificate.

PENGENALAN

Saban tahun sekitar bulan April dan Mei, keputusan permohonan kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi setiap sesi akademik untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke peringkat diploma sentiasa menjadi isu dan bualan. Situasi ini juga tidak kurang hebatnya dengan keputusan permohonan kemasukan ke Program Satu Tahun (PST) Pra-Universiti, Asasi atau Matrikulasi (PAM) di bawah kendalian terus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dahulunya Kementerian Pelajaran Malaysia atau IPTA terpilih lain.

Memandangkan dewasa kini, menerusi dasar tawaran terbuka yang digunakan, maka pelajar lepasan SPM yang layak berkemungkinan akan menukar tawaran yang mereka telah terima. Hal ini dapat dilihat apabila berlaku kecenderungan pemilihan aliran pengajian iaitu sama ada untuk mengikuti program pengajian sains hayat (PSH) atau sains fizikal (PSF) di institusi yang diterima mereka. Dalam hal sedemikian, bagi yang telah mendapat tawaran ini pasti ada yang telah yakin mana yang harus dipilih tetapi tidak kurang juga dengan yang masih merasa keliru atau tidak pasti dengan tawaran yang diterima.

Umum mengetahui, PAM terbahagi kepada dua program pengajian teras iaitu PST PSH dan PSF. Sukatan dan modul pelajaran program pengajian ini juga lebih bersifat terbuka kerana hanya dibahagikan kepada empat matapelajaran teras iaitu Biologi, Matematik, Fizik dan Kimia di samping matapelajaran elektif lain seperti Teknologi Maklumat; Bahasa Inggeris; Nilai-nilai Sejagat; Ko-kurikulum Berkredit; Agama dan Manusia; Agama, Sains dan Teknologi; Kemahiran Dinamika; Pendidikan Islam/Moral dan Hubungan Etnik (Sejarah dan Politik Negara, Perlembagaan Malaysia, Pembangunan Negara dan Isu-isu Semasa).

Selain itu, umum juga mengetahui bahawa lulusan PAM ini harus membuat permohonan melalui Unit Pusat Universiti, KPM atau melalui institusi pengajian masing-masing seperti UM, UPM, UKM, UiTM, UNIMAS, UMS, UIAM, USIM dan UPNM untuk mengikuti program pengajian di peringkat ijazah pertama kelak. Pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang serta memenuhi syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan pastinya akan mempunyai peluang yang lebih cerah untuk memasuki program pengajian yang diminati dan dipilih. Manakala, bagi yang memperolehi keputusan yang sederhana dan lemah pula berkemungkinan bakal mendapat program pengajian yang tidak diminati, tidak dipilih atau biasa disebut dilelong.

Kedua-dua program pengajian yang

dimaksudkan di atas iaitu sama ada PSH dan PSF pada asasnya disasarkan kepada dua kelompok pelajar yang berbeza. Setiap satu program tersebut mempunyai kelebihan dan perspektif yang tersendiri. Bagi yang mengikuti PSH, calon merupakan golongan yang secara relatifnya lebih bersikap rutin, kebergantungan, berorientasikan maklumat, teori, fakta dan logik. Manakala bagi yang mengikuti PSF, calon merupakan golongan yang lebih bersifat numerikal, formulasi, kreatif, tidak kebergantungan dan praktikal (Donald, 1986). Jadi jelas sasaran aliran pengajian sebenarnya menuntut keperluan orientasi, keupayaan dan minat pelajar yang berbeza.

Pelajar sememangnya dituntut untuk sentiasa fokus serta mengekalkan prestasi pelajaran dari mula lagi selain penglibatan aktif dan bermakna dalam aktiviti dan program elektif lain yang dianjurkan oleh institusi. Dalam ertikata lain, tiada istilah berbulan madu semasa berada dalam sesi pengajian ini. Malah, fokus dan ketetapan sejak dari awal kemasukan ke pusat pengajian ini akan membolehkan pelajar lebih bersedia daripada aspek mental dalam menghadapi situasi pembelajaran dan sukatan pelajaran yang telah direncana. Masalah keciciran dan prestasi akademik merudum bakal berlaku jika sekiranya pelajar tidak mempunyai ketetapan bidang pengajian, keupayaan akademik dan minat tidak selaras dengan aliran yang diikuti. Malahan, faktor perubahan persekitaran pendidikan dan kehidupan kampus juga boleh menyumbang kepada permasalahan ini.

Namun yang pasti, bagi yang mengikuti PAM, pelajar merupakan kelompok yang berkelebihan kerana program tersebut memang telah disusun sebagai laluan pantas ke universiti. Walaupun dengan keputusan peperiksaan yang tidak memberangsangkan, pastinya mereka akan dapat meneruskan proses pembelajaran mereka di peringkat ijazah sarjana muda kelak.

Walau apa pun pilihan pelajar, mereka perlu memastikan yang mereka harus melalui PAM ini dengan terancang dan berusaha untuk mencapai yang terbaik demi masa depan yang cemerlang. Para pelajar juga perlu memastikan yang mereka tidak mengulangi sebarang kesilapan dan kelemahan semasa sesi pendidikan sekolah menengah yang lalu. Pada peringkat PAM ini sepatutnya para pelajar telah mengenali diri sendiri dan tahu apakah minat, kemampuan dan kekuatan masing-masing.

Justeru, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan sebelum ini berkaitan pemilihan aliran pengajian dan kerjaya di kalangan pelajar, dan dalam kajian ini, tumpuan terhadap minat dan pengaruh yang mendorong pemilihan dikaji bagi melihat perkembangan dan proses membuat pilihan oleh pelajar.

Pengajian peringkat PAM adalah diwujudkan dalam menyediakan pendidikan bagi aliran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang memfokuskan kepada bidang pengajian seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejururawatan, bioperubatan, bioteknologi, botani, zoologi, akuatik, ekologi dan persekitaran, biodiversiti, mikrobiologi, geologi, matematik, fizik, kimia, perladangan, pertanian, perhutanan, veterinar, hortikultur, teknologi perkayuan, teknologi tekstil, sains komputer dan teknologi maklumat serta kejuruteraan bagi membekalkan tenaga kerja profesional pada masa hadapan. Sasarannya membabitkan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang SPM.

Namun, menerusi penelitian dan analisis rawak awal yang telah dilakukan, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara jantina pelajar, latar belakang kehidupan dan keluarga serta minat dengan pemilihan aliran pengajian di peringkat PAM. Dapatan pemerhatian awal juga menunjukkan tahap individu yang paling signifikan adalah minat, diikuti oleh pengaruh ibu bapa yang juga menunjukkan cetusan dan inspirasi pemilihan. Manakala daripada aspek individu, kecenderungan responden adalah lebih kepada cita-cita dan keinginan. Keseluruhan daripada faktor tersebut menunjukkan faktor individu memainkan peranan paling penting yang menyebabkan kecenderungan terhadap pemilihan aliran pengajian di peringkat PAM berbanding faktor-faktor lain.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana perhubungan di antara pemilihan aliran pengajian di peringkat PAM dengan faktor-faktor latar belakang pelajar dan keluarga, tahap pengaruh individu yang signifikan, sumber-sumber maklumat yang sering digunakan dan ciri-ciri pelajar. Objektif kajian ini ialah untuk melihat perkaitan antara corak pemilihan aliran pengajian (pemboleh ubah bersandar) yang digunakan pelajar dengan pemboleh ubah kehendak diri sendiri, kehendak ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, pilihan yang terhad, peluang pekerjaan pada masa hadapan, pilihan kerjaya pada masa hadapan dan faktor kemahiran dan minat (pemboleh ubah bebas).

KAEDAH

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan dan merupakan satu kajian awal yang menggunakan kaedah soal selidik bagi mengumpul data berkenaan hubungan antara pola kecenderungan pemilihan aliran pengajian peringkat

PAM oleh pelajar lepasan SPM.

Populasi dan Sampel Kajian

Skop kajian ini meliputi populasi pelajar cemerlang SPM yang mengikuti pengajian PSH dan PSF di Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU), UNIMAS sesi 2013/2014 dan kaedah persampelan terpilih digunakan yang merangkumi kedua-dua jenis jantina, aliran, Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Sebanyak 100 borang soal selidik diedarkan kepada responden melalui bantuan daripada pensyarah kursus. Data-data yang diperolehi dianalisa secara statistik am seperti peratusan dan purata, dan kebolehpercayaan soal selidik adalah sangat tinggi.

Seramai 100 ($N = 100$) orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian berdasarkan persampelan kelompok pelbagai peringkat iaitu 50 ($n = 100$) orang pelajar dari PSH dan 50 ($n = 50$) orang pelajar dari PSF. Daripada jumlah ini, hanya 31 (30%) orang pelajar adalah lelaki dan 61 (61%) orang pelajar adalah perempuan. Selain itu, persampelan juga dilakukan daripada segi akademik iaitu mengambil kira nilai markah Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Purata PNGK keseluruhan responden yang dipilih untuk kajian ini adalah 3.00 ke atas.

Analisis Data

Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan inferansi berdasarkan tujuan kajian yang telah dinyatakan menggunakan kaedah peratusan dengan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 18.0 bagi menganalisis data dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Soal selidik yang digunakan mempunyai 10 soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Responden diminta menjawab sama ada Ya atau Tidak dipetak yang disediakan bagi menunjukkan persetujuan mereka terhadap pernyataan yang dinyatakan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis dapatan keseluruhan kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Rajah 1-8. Daripada keseluruhan jumlah pelajar, bilangan responden bagi kedua-dua aliran adalah seimbang. Bilangan responden bagi PSH dan PSF adalah masing-masing seramai 50

orang (50%).


Daripada segi jantina pula, jumlah responden adalah tidak seimbang peratusannya, iaitu 31 orang pelajar lelaki yang masing-masing 10 dan 21 orang dari

PSH dan PSF (31%) dan 69 orang pelajar perempuan yang masing-masing 40 dan 29 orang dari PSH dan PSF (69%) (JADUAL 1).

JADUAL 1. Dapatan responden mengikut kategori

Bil.	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Bilangan Pelajar		
	i. PSH	50	50
	ii. PSF	50	50
2.	Jantina		
	a. Lelaki		
	i. PSH	10	10
	ii. PSF	21	21
	b. Perempuan		
	i. PSH	40	40
	ii. PSF	29	29

RAJAH 1. Dapatan keseluruhan kajian




Pola Pemilihan Aliran Pengajian Mengikut Kehendak Diri Sendiri

Bagi generasi muda pada masa kini, kebanyakan daripada mereka membuat pemilihan aliran pengajian adalah berdasarkan kehendak diri sendiri. Berdasarkan tinjauan yang telah dijalankan, didapati sebanyak 95% responden membuat pemilihan aliran pengajian berdasarkan kehendak diri sendiri manakala selebihnya iaitu sebanyak 5% responden membuat pemilihan bukan mengikut kehendak diri sendiri (RAJAH 2).

Pemilihan aliran pengajian yang dilakukan mengikut kehendak diri sendiri adalah berkait

rapat dengan faktor minat seseorang pelajar kepada matapelajaran tertentu. Sebagai contoh, pelajar yang meminati dan dapat menguasai subjek fizik secara automatik akan memilih PSF sebagai pilihan, manakala bagi pelajar yang meminati dan dapat menguasai subjek biologi, PSH akan menjadi pilihan. Selain itu, faktor kerjaya juga memainkan peranan dalam menentukan aliran pengajian yang akan dipilih. Sebagai contoh, sekiranya seseorang pelajar itu bercita-cita untuk menjadi seorang doktor, PSH yang akan menjadi pilihan tetapi sekiranya seseorang pelajar itu ingin menjadi jurutera, sudah tentu PSF yang akan menjadi pilihan.

Rajah 2. Respon pemilihan aliran pengajian mengikut kehendak diri sendiri



Pola Pemilihan Aliran Pengajian Mengikut Kehendak Ibu Bapa/Penjaga

Selain daripada kehendak diri sendiri, masyarakat sekeliling juga secara tidak langsung memainkan peranan dalam mempengaruhi seseorang pelajar itu untuk melakukan pemilihan aliran pengajian yang bersesuaian dengan mereka. Menurut Donald (1986) dalam buku beliau yang bertajuk *How to Choose a Career* berpendapat masyarakat sekeliling seperti orang-orang yang kita kenali serta rapat dengan kita khususnya ibu bapa dan rakan-rakan; dan individu-individu yang sering kita jumpa seperti guru mampu untuk mempengaruhi apa yang hendak kita lakukan dengan kehidupan kita kelak.


Secara umumnya, ibu bapa yang akan mempengaruhi seseorang pelajar itu dalam pemilihan aliran pengajian kerana mereka merupakan individu yang paling dekat dengan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun, hasil daripada analisis yang diperolehi mendapati bahawa hanya 19% responden membuat pemilihan aliran pengajian berdasarkan kehendak ibu bapa atau penjaga mereka manakala selebihnya

iaitu sebanyak 81% memilih aliran pengajian bukan berdasarkan kehendak ibu bapa atau penjaga mereka (RAJAH 3).

Meskipun peratusan pemilihan aliran pengajian berdasarkan kehendak ibu bapa atau penjaga rendah berbanding peratusan pemilihan aliran pengajian bukan kehendak ibu bapa atau penjaga, namun peranan ibu bapa atau penjaga sangat memberi kesan terhadap remaja-remaja pada masa kini dalam menentukan masa depan atau kerjaya mereka.

Ginzberg dalam Arthur P.Lloyd et.al (1994) ada menjelaskan bahawa terdapat pengaruh ibu bapa terhadap pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Pengaruh keluarga dalam pemilihan kerjaya membuktikan bahawa keluarga merupakan salah satu punca bagi individu itu membuat pemilihan kerjaya. Perkara ini ditegaskan lagi oleh Rodzimah (2000), yang menyatakan bahawa dalam hal pemilihan kerjaya ini, ibu bapa seharusnya membimbing anak-anak mereka ke arah prospek-prospek pekerjaan yang bersesuaian dengan minat dan kebolehan anak-anak mereka.

RAJAH 3. Respon pemilihan aliran pengajian mengikut kehendak ibu bapa/penjaga



Pola Pemilihan Aliran Pengajian Mengikut Pengaruh Rakan Sebaya

Selain itu, antara faktor lain yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam membuat pemilihan aliran pengajian khususnya di peringkat PAM adalah rakan sebaya. Dalam menyusuri alam remaja, kita sedia maklum bahawa pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang besar dalam menentukan hala tuju kehidupan seseorang remaja terutama dalam hal berkaitan pendidikan. Berdasarkan kenyataan Zuraidah (2006), ketika seseorang remaja mengalami proses tumbesaran, mereka lebih banyak bergantung kepada rakan sebaya dalam membentuk sahsiah keperibadian diri masing-masing. Golongan remaja tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa mereka dalam membentuk nilai-nilai murni kehidupan serta kefahaman diri kerana remaja masa kini menganggap rakan sebaya sebagai role model kepada diri masing-masing.

Menurut Sharifah Alwiah (1987), pengaruh rakan sebaya dalam hidup seseorang pelajar adalah amat tinggi sehingga mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap pencapaian diri serta aspirasi pelajar tersebut. Namun, dalam kajian ini, majoriti pelajar menyatakan bahawa pemilihan aliran pengajian mereka tidak melibatkan pengaruh rakan-rakan. Sebanyak 91%

responden telah mengatakan mereka tidak bergantung kepada pengaruh rakan sebaya semata-mata.

Hal ini telah memberikan gambaran awal bahawa pengaruh rakan sebaya bukanlah faktor yang menentukan pemilihan aliran pengajian bagi seseorang pelajar di peringkat asasi. Walau bagaimanapun, terdapat juga segelintir pelajar iaitu sebanyak 9% yang masih lagi mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dalam membuat pilihan aliran pengajian yang mereka akan ikuti di peringkat pengajian tinggi (RAJAH 4). Kemungkinan besar golongan pelajar ini merupakan remaja yang masih lagi kurang matang dalam membuat keputusan dan masih lagi mencari-cari hala tuju hidup mereka.

Pola Pemilihan Aliran Pengajian Kerana Pilihan Kursus Yang Terhad


Berdasarkan kajian yang sama, sebanyak 86% responden telah menyatakan bahawa pemilihan mereka untuk mengikuti PSH atau PSF adalah bukan disebabkan faktor pilihan kursus yang terhad. Hal ini bermaksud bahawa para pelajar sejak dari awal lagi iaitu sebelum melangkah kaki ke alam pengajian tinggi, telah menetapkan hala tuju pendidikan mereka dalam bidang yang mereka minati.

Secara umum, kita boleh menggambarkan


bahawa generasi muda pada masa kini mempunyai pemikiran jauh ke hadapan dan berfokuskan jangka masa panjang. Namun begitu, masih ada lagi 14% pelajar yang membuat pemilihan aliran pengajian kerana tiada pilihan kursus lain yang boleh mereka pertimbangkan untuk dijadikan pilihan utama dalam meneruskan pengajian di peringkat tinggi (RAJAH

5). Perkara ini perlu dinilai dan dikaji sebaik mungkin supaya para pelajar mempunyai peluang untuk memperlihatkan bakat dan kemampuan mereka yang terpendam menerusi penawaran pelbagai aliran lain seperti seni dan kreativiti serta sains ikhtisas selain PSH dan PSF pada peringkat PAM .

RAJAH 4. Respon pemilihan aliran pengajian mengikut pengaruh rakan sebaya



RAJAH 5. Respon pemilihan aliran pengajian kerana pilihan kursus yang terhad




Daripada hasil tinjauan yang telah dijalankan ini, didapati sebanyak 81% responden membuat pemilihan aliran pengajian berdasarkan peluang pekerjaan yang terdapat pada hari ini manakala selebihnya iaitu sebanyak 19% responden membuat pemilihan aliran pengajian bukan berdasarkan peluang pekerjaan yang ada (RAJAH 6). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar mengikuti tentang perkembangan ekonomi semasa negara.

Pun begitu, ada segelintir daripada pelajar ini memberikan respon bahawa peluang pekerjaan bukanlah faktor yang mempengaruhi pemilihan aliran pengajian mereka. Hal ini terjadi mungkin kerana sesetengah pelajar sukar membuat pilihan disebabkan mempunyai minat dalam pelbagai bidang, minat tidak jelas atau tidak mempunyai minat langsung terhadap apa-apa bidang kerjaya seperti yang dinyatakan oleh

Ahmad Mahzan Ayob (1991). Kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang sesuatu pekerjaan atau kerjaya juga menyebabkan pelajar sukar membuat pemilihan aliran pengajian mereka.

Disamping itu juga, perkembangan teknologi maklumat dan era globalisasi adalah antara faktor lain yang menyumbang kepada kekurangan peluang pekerjaan. Bukan itu sahaja, kekangan peluang pekerjaan, ditambah dengan pertambahan jumlah graduan terlalu ramai dilahirkan universiti setiap tahun menyebabkan persaingan mendapatkan peluang pekerjaan menjadi sengit. Sesetengah pelajar juga tidak membuat pilihan berdasarkan minat dan hanya memandang kepada kemewahan daripada peluang kerjaya yang bakal diperoleh. Ini mungkin menarik perhatian mereka dalam membuat pemilihan aliran pengajian.

RAJAH 6. Respon pemilihan aliran pengajian mengikut peluang pekerjaan pada masa hadapan



Pola Pemilihan Aliran Pengajian Mengikut Pilihan Kerjaya Pada Masa Hadapan

Bagi faktor yang seterusnya, keputusan yang sama juga diperolehi iaitu sebanyak 81% responden membuat pemilihan aliran pengajian yang bersesuaian dengan kerjaya yang diimpikan manakala 19% responden yang lain menyatakan sebaliknya (RAJAH 7). Ini telah memberikan gambaran awal bahawa kebanyakan pelajar telah menetapkan hala tuju hidup mereka sejak awal lagi dan seterusnya merancang masa depan


mereka dengan sebaik mungkin. Hal ini bertepatan dengan Ishammudin Ismail (1997) yang menyatakan bahawa pemilihan kerjaya adalah satu proses berterusan bermula dari persepsi kanak-kanak terhadap pekerjaan sehinggalah ke peringkat sekolah, pengajian tinggi dan dewasa.

Menurut Sidek Mohd Noh (2002), pemilihan kerjaya adalah satu proses yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu apabila seseorang itu mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan yang sebenar kerana kerjaya merupakan suatu penentu

yang penting bagi taraf dan kedudukan seseorang dalam masyarakat dan taraf ini mempunyai kesan ke atas nilai hidup, sikap, gaya dan personaliti diri (Chek Mat, 2000). Bagi segelintir pelajar iaitu sebanyak 19% yang membuat pemilihan aliran pengajian yang tidak bersesuaian dengan kerjaya impian mereka pada masa hadapan mungkin disebabkan oleh beberapa faktor

seperti yang diterangkan oleh Osipow dan Fitzgerald (1996) dalam buku mereka yang bertajuk *Theories of Career Development*. Antara faktor-faktornya ialah tidak mempunyai pilihan, pilihan yang tidak pasti, pilihan yang tidak tepat dan percanggahan antara minat dan keupayaan.

RAJAH 7. Respon pemilihan aliran pengajian mengikut peluang pekerjaan pada masa hadapan



Pola Pemilihan Aliran Pengajian Kerana Faktor Kemahiran Dan Minat

Faktor seterusnya yang diambil kira dalam pemilihan aliran pengajian oleh pelajar ialah kemahiran ataupun minat. Dalam kajian ini, sebanyak 96% responden telah menyatakan bahawa proses pemilihan aliran pengajian mereka adalah mengambilkira faktor kemahiran dan minat masing-masing. Manakala 4% yang selebihnya menyatakan bahawa kemahiran atau minat peribadi mereka tidak mempengaruhi pemilihan aliran pengajian yang dibuat (RAJAH 8).

Minat merupakan satu faktor yang amat berpengaruh dalam pemilihan seseorang individu dalam apa jua bidang, sama ada pekerjaan mahupun pendidikan. Khususnya dalam pemilihan kursus sains di universiti, Seymour dan Hewitt (1997) mendapati minat seseorang pelajar merupakan faktor yang tertinggi dalam proses pemilihan tersebut. Minat merupakan dorongan intrinsik yang tidak semestinya dibentuk oleh faktor luaran. Ini menjadikannya salah satu faktor yang

boleh digunakan oleh seseorang pelajar, erutamanya semasa fasa refleksi sendiri dalam proses membuat pilihan.


Kemahiran seseorang pelajar juga merupakan faktor yang mempengaruhi pemilihan kursus pelajar tersebut. Pelajar akan lebih cenderung untuk memilih kursus yang mempunyai pra-syarat yang merangkumi kemahiran sedia ada pelajar daripada kursus yang kurang atau tidak berkaitan. Menurut Ismail (1997), pencapaian pelajar dalam matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di sekolah menengah mempengaruhi pemilihan pelajar ke aliran sains di peringkat pendidikan menengah atas.

Pencapaian yang cemerlang di dalam sesuatu matapelajaran atau bidang boleh diambil sebagai ukuran kemahiran pelajar dalam bidang atau matapelajaran tersebut. Pelajar pra-universiti yang tidak jauh lingkungan umurnya dengan pelajar sekolah menengah berkemungkinan besar membuat pemilihan mereka berdasarkan pencapaian atau kemahiran dalam

matapelajaran-matapelajaran yang sama. Dengan kemahiran atau pencapaian yang tinggi dalam bidang atau matapelajaran yang berkaitan, pelajar akan lebih

yakin dalam membuat pemilihan kursus di institusi pengajian tinggi.

RAJAH 8. Respon pemilihan aliran pengajian kerana mengikut kemahiran dan minat sendiri



KESIMPULAN

Pemilihan bukanlah suatu perkara yang mudah dan seseorang pelajar itu lazimnya akan dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran dan dalaman yang terdapat dipersekitarannya. Bagi pelajar yang telah mengenal pasti kerjaya yang diinginkan, maka adalah lebih mudah untuk mereka membuat pemilihan tetapi bagi pelajar yang masih belum melakukan pemilihan kerjaya akan menghadapi masalah dan dilema untuk membuat pemilihan mengikut minat serta kriteria yang ada pada diri mereka.

Selain itu, teori kerjaya berasaskan personaliti yang dibentuk oleh Anne Row (Osipow, 1973 & Zunker, 1981) juga antaranya menyatakan bahawa kualiti perhubungan awal yang dialami oleh individu mempengaruhi perkembangan minat yang mana kemudiannya mempengaruhi pemilihan kerjaya dan individu boleh dikelompokkan kepada pelbagai jenis personaliti tertentu. Perkara ini turut dinyatakan oleh Ginzberg et. al., 1966, apabila proses pemilihan kerjaya berakhir setelah wujud kompromi di antara minat, kebolehan, nilai dan peluang-peluang. Kedua-dua unsur teori ini dapat diperhatikan dalam kajian yang dilakukan ini apabila corak pemilihan aliran pengajian

yang dibuat adalah berdasarkan beberapa pemboleh ubah personaliti pelajar.

Kajian ini seterusnya dapat menentukan profil personaliti pelajar peringkat PAM dan kaitannya dengan keselarasan antara personaliti dan persekitaran. Maklumat dari kajian ini juga mampu meningkatkan pemahaman dan kesedaran pihak berkenaan terhadap personaliti pelajar yang sedang mengikuti program pengajian pra-universiti dengan menjalankan program-program serta struktur akademik yang bertepatan bagi meningkatkan kecemerlangan pelajar.

Selain itu, proses pemilihan aliran pengajian yang tepat dan bersesuaian dengan kelulusan, minat dan personaliti diri setiap pelajar juga adalah sangat penting dalam menentukan arah tuju kehidupan dan kerjaya seseorang pelajar. Oleh itu, perancangan yang teliti dan rapi dalam pemilihan aliran pengajian perlu dibuat dengan sebaik mungkin agar bersesuaian dengan kebolehan diri, kepuasan dan jaminan masa hadapan.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada PPPU, UNIMAS atas kerjasama dan kebenaran menjalankan penyelidikan ini serta terima kasih kepada semua responden soal selidik

atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz, Y. 1991. *Kepemimpinan Dalam Mengurus Perubahan: Dari Dimensi Kemanusiaan*. Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abd. Umar, Z. & Senin, Z. 2008. Perkaitan Antara Gaya Pembelajaran Pelajar Dengan Prestasi Mata Pelajaran Matematik Kejuruteraan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Matematik Dan Masyarakat 2008*, hlm. 485-495.
- Abu Bakar, Z. & Tumin, F. 2012. Hubungan Antara Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar Program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik) Dan Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Matematik) Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/utm.eprints.10810/Details.html> [29 Ogos 2012].
- Ahmad Mahzan, A. 1991. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Altun, S.A. & Çakan, M. 2008. Factors Affecting Student Success on Exams: The Case of Successful Cities on LGS/ÖSS Exams. *Elementary Education Online* 7(1): 157-173.
- Chek Mat. 2000. *Pengurusan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Donald, V. 1986. *How to Choose a Career*. London: Kogan Page.
- Ginzberg, E. 1951. *Occupation Choice*. New York and London: Columbia University Press.
- Ginzberg, E. 1984. Career Development. Dlm. Brown, D. & Brooks, L. (pnyt.). *Career Choice and Career Development*, hlm. 1-7. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Gysbers, N.C. & Henderson, P. 1998. *Leading and Managing Your School Guidance Program Staff*. Alexandria, VA: American Counseling Association.
- Hollingshead, A.B. 1949. *Clinical Psychology*. New York: Wiley.
- Hushim, S. 1994. Pengaruh Keluarga, Sekolah Dan Pencapaian Akademik Terhadap Pemilihan Kerjaya Pelajar. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Isa, K., Mohamed, M., Jalani, J., Tukiran, Z., Jumaat, S.A., Fuad, N., Ahmad, I.L., Mohamad, S. & Mohd Muji, S. Z. 2008. Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP dalam Membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Pelajar FKE. *Prosiding Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, hlm. 1-7.
- Ishammudin, I. 1997. Tinjauan Terhadap Faktor-faktor Yang Berkaitan dengan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, I. 1997. *Kecenderungan Pelajar Dalam Pemilihan Jurusan Sains Di Daerah Kota Setar, Kedah Darul Aman*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Minghat, A.D. & La'anain, A. 2012. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kecemerlangan Dalam Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Elektrik, Mekanikal) Di Fakulti Pendidikan, UTM. <http://eprints.utm.my/10638/1/FAKTOR.pdf.html> [20 Ogos 2012].
- Muhamed, A. 1990. *Membuat Keputusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansor, A. & Siti Nordinar, M.T. 1989. *Kaunseling Kerjaya (Teori dan Amalan)*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Osipow Samuel, H. & Fitzgerald Louise, F. 1996. *Theories of Career Development*. Ed. ke-4. Needham Heights: Allyn & Bacon.
- Rodzimah, M.R. 2000. Faktor-Faktor Pemilihan Kerjaya Dalam Bidang Elektrik Dan Elektronik Sekolah Menengah Di Negeri Johor. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Seymour, E & Hewitt, N.M. 1997. *Talking About Leaving: Why Undergraduates Leave the Sciences*. Boulder, CO: Westview Press.
- Sharifah Alwiyah, A. 1987. *Psikologi Pendidikan I*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Logman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sidek, M.N. 2002. *Perkembangan Kerjaya: Teori & Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Super, D.E. 1957. *The Psychology of Careers*. New York: Harper.
- Tomlinson, C.A. 1999. Mapping a Route toward Differentiated Instruction. Association for Supervision and Curriculum Development. http://www.ascd.org/ASCD/pdf/journals/ed_lead/el199909_tomlinson.pdf.html [26 Ogos 2012].
- Yahaya, A. & Omar, M.H. 2012. Masalah Rakan Sebaya. http://eprints.utm.my/10400/1/30.9_Masalah_Rakan_Sebaya.pdf.html [27 Ogos 2012].
- Zunker, V.G. 1981. *Career Counseling: Applied Concepts of Life Planning*. Stamford: Brooks Cole.
- Zuraidah, A. 2006. Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Dalam Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Guntong Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Manir, Kuala Terengganu, Terengganu. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Fhaizal Mohamad Bukhori
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: mbmfhaizal@preuni.unimas.my

Rohaiza Daud
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: drohaiza@preuni.unimas.my

Nur Fazliana Rahim
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: rnfazliana@preuni.unimas.my

Nor Amalina Ahmad
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: anamalina@preuni.unimas.my

Mohd Aminudin Mustapha
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: mmaminudin@preuni.unimas.my

Farah Liyana Azizan
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: afliesana@preuni.unimas.my

Mohd Alhafizh Zailani
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: zmalhafizh@preuni.unimas.my

Dhana Jay Raja Gopal
Pusat Pengajian Pra-Universiti,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Samarahan, Sarawak
E-mel: rgdjay@preuni.unimas.my